



اوتورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2025

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrS./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERATURAN DAN KADAR KERAIAN RASMI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENDAHULUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggung Jawab (PTJ) mengenai Peraturan Dan Kadar Keraian Rasmi di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Peraturan Keraian Rasmi di UMPSA adalah berdasarkan:

- (a) Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2016: Peraturan Dan Kadar Keraian Rasmi UMP;
- (b) Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2017: Penyelarasan Semula Kadar Keraian Mesyuarat Utama Universiti Dengan Pihak Luar Bagi UMP;
- (c) Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2023 Peraturan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara;
- (d) Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2011 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi.

- 2.2 Pegawai Pengawal dan Pegawai Yang Diberi Kuasa adalah bertanggungjawab memastikan peruntukan yang mencukupi dan membuat perancangan yang rapi bagi mengelakkan kos kerajaan yang serta sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan berhemat dan mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa; dan
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 19 Mac 2025 bersetuju menyemak semula kadar kerajaan rasmi mengambil kira kadar inflasi negara dan menyokong kecemerlangan ekosistem Universiti khususnya untuk meningkatkan tahap kepuasan warga UMPSA.

3.0 PERATURAN DAN KADAR KERAJIAN RASMI

- 3.1 Kerajaan rasmi boleh diadakan bagi penganjuran aktiviti atau program berikut:
- (a) Persidangan di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, Universiti atau Jabatan;
 - (b) Majlis Penuh Istiadat/ sambutan kerajaan yang wajib diraikan di peringkat Kebangsaan, Universiti dan Jabatan seperti majlis penganugerahan/ pengiktirafan yang termaktub di dalam pekeliling-pekeliling Kerajaan dan sambutan program rasmi peringkat kebangsaan dan antarabangsa berkaitan fungsi Universiti/Jabatan;
 - (c) Lawatan rasmi orang kenamaan atau rombongan dari luar atau dalam negara yang wajib diraikan berkaitan urusan rasmi Universiti termasuk lawatan Menteri, Menteri Besar, Pegawai Tinggi Kerajaan, Pegawai Korporat Swasta atau jemputan tetamu luar negara;
 - (d) Majlis perasmian/penutupan sesuatu program rasmi Universiti/Jabatan;
 - (e) Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)/Mesyuarat Jawatankuasa-Jawatankuasa LPU, Mesyuarat JKPU, Mesyuarat Senat dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Berkaitan Senat, Mesyuarat Jabatan;
 - (f) Meraikan Pegawai yang akan bersara;
 - (g) Meraikan Sambutan Hari Inovasi; dan
 - (h) Program pembangunan kompetensi staf dan bengkel dalaman.

3.2 Kadar keraian rasmi adalah seperti berikut:

Bil	Mesyuarat	Jenis	Kadar RM
(a)	Mesyuarat Utama Peringkat Universiti	Sarapan Pagi/ Minum Petang	RM7.00
		Makan Tengahari/ Makan Malam	RM16.00
(b)	Mesyuarat Jabatan/ Aktiviti Pelajar (Dalam/Luar Kampus)	Sarapan Pagi/ Minum Petang	RM7.00
		Makan Tengahari/ Makan Malam	RM10.00
(c)	Program/Mesyuarat melibatkan NC, Ahli LPU dan pihak luar	Sarapan Pagi/ Minum Pagi/ Minum Petang	RM20.00
		Makan Tengahari/ Makan Malam	RM35.00
(d)	Lawatan Menteri, Menteri Besar, Pegawai Tinggi Kerajaan, Pegawai Korporat Swasta atau jemputan tetamu luar negara	Jamuan Berkaitan	RM120.00 sehari
(e)	Persidangan di peringkat Antarabangsa dan Kebangsaan		
(f)	Santapan Diraja	Jamuan Berkaitan	Sebenar

3.3 Bayaran perkhidmatan, cukai Kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan kerana mengadakan keraian berkenaan adalah layak dituntut sebagai bayaran tambahan;

3.4 Tempahan keraian bagi 3.2(a), 3.2(b) atau 3.2(c) yang diadakan dalam Universiti hendaklah melalui syarikat-syarikat kafeteria yang dilantik;

- 3.5 Tempahan keraian bagi 3.2(d), 3.2(e) atau 3.2(f) dibenarkan melalui syarikat katering yang berpengalaman dan hendaklah menjaga nama baik dan imej Universiti. Tempahan katering dibenarkan bagi perkhidmatan penyediaan makanan tanpa melibatkan sewaan dewan/khemah serta peralatan seperti kerusi, meja, perhiasan dewan dan alat siar raya;
- 3.6 Pemilihan syarikat katering hendaklah berdaftar kod bidang Makanan Bermasak Islam dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi nilai tempahan melebihi RM50,000.00 dan digalakkan melalui syarikat tempatan dari daerah Pekan atau Kuantan;
- 3.7 Jawatankuasa Induk bagi mana-mana program rasmi Universiti hendaklah bertindak sebagai Jawatankuasa Penilai bagi memperakukan pemilihan syarikat katering termasuk kemampuan syarikat, kuantiti, harga dan jadual pelaksanaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus yang berkenaan. Pegawai yang menguruskan keraian program atau aktiviti hendaklah berusaha untuk merundingkan kadar harga keraian bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada Universiti;
- 3.8 Pelantikan pengurus acara/*event manager* adalah tidak dibenarkan;
- 3.9 Makanan tidak halal dan minuman keras adalah tidak dibenarkan sama sekali;
- 3.10 Pesanan Tempatan hendaklah dikeluarkan sebelum program berlangsung. Bagi nilai sehingga RM20,000.00 boleh disediakan dan diluluskan di peringkat PTJ sementara yang melebihi RM20,000.00 hendaklah dirujuk kepada Unit Perolehan atau Unit Amanah, Jabatan Bendahari;
- 3.11 Penganjuran program pada bulan Disember hendaklah dielakkan bagi membolehkan kos keraian diperakaunkan dalam tahun yang sama. Mana-mana perbelanjaan keraian tanpa Pesanan Tempatan akan dicaj melalui peruntukan tahun berikutnya dengan kelulusan Arahan Perbendaharaan (AP) 58: Pembayaran Yang memerlukan Kebenaran Khas;

- 3.12 Bagi tujuan pembayaran, PTJ hendaklah memastikan tuntutan inbois adakah betul dan lengkap seperti tarikh aktiviti, kuantiti, harga seunit, nama pembekal, nombor akaun bank, nama bank dan email syarikat. Sekiranya berlaku percanggahan kuantiti atau kualiti perkhidmatan, nilai muktamad hendaklah dipersetujui secara bersama;
- 3.13 Inbois hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan atau Pegawai Yang Diberi Kuasa dan disokong dengan borang permohonan perolehan (RQ) yang dijana secara atas talian, pesanan tempatan(jika berkaitan), surat panggilan mesyuarat/program, senarai jemputan utama dan salinan kertas kerja program/aktiviti yang telah diluluskan. Inbois hendaklah didaftarkan dalam daftar bil secara atas talian sebagaimana peraturan bayaran yang sedang berkuatkuasa;
- 3.14 Dekan/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan:
- Pengurusan keraian di PTJ hendaklah mematuhi peraturan yang berkuatkuasa, mengikut perancangan Jabatan dan setiasa berbelanja secara berhemah;
 - Peruntukan PTJ hendaklah mencukupi dan PTJ digalakkan menanggung kos keraian secara sendiri melalui Tabung Amanah Fakulti/Jabatan masing-masing; dan
 - Pegawai yang mengurus keraian hendaklah mahir dan mematuhi peraturan yang berkuatkuasa.
- 3.15 Pihak Berkuasa Melulus perolehan keraian adalah seperti berikut:

Bil.	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)
(i)	Sehingga RM20,000.00	Dekan/Ketua Jabatan
(ii)	Sehingga RM50,000.00	NC/Pegawai Pengawal atau Pegawai Yang Diberi Kuasa
(iii)	Melebihi RM50,000.00 sehingga RM500,000.00	Jawatankuasa Sebutharga Universiti
(iv)	Melebihi RM500,000.00	Lembaga Perolehan

- 3.16 Kertas Kerja Program yang mempunyai implikasi kos keraian melebihi RM20,000.00 dan telah diluluskan oleh Naib Canselor atau Pegawai Yang Diberi Kuasa hendaklah dikemukakan kepada Sekretariat Mesyuarat Perolehan, Jabatan Bendahari untuk tujuan rekod mesyuarat PBM;
- 3.17 Pengecualian diberikan kepada Dekan/Ketua Jabatan untuk tidak menggunakan kadar di atas tetapi terhad kepada RM120.00 sehari bagi keraian melibatkan aktiviti/program tertakluk kepada keupayaan kewangan yang dibiayai oleh:
- (a) Dana luar tertakluk syarat yang ditetapkan oleh pemberi dana;
 - (b) Pendapatan daripada aktiviti penajaan; dan
 - (c) Dana tabung penajaan PTJ.
- 3.18 Sebarang pengecualian ke atas peraturan keraian di atas hendaklah dikemukakan kepada Bendahari UMPA untuk kelulusan secara budi bicara.

4.0 TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

Pekeliling Bendahari ini berkuat kuasa pada **1 April 2025** dan Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2016 dan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2017 adalah dibatalkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BINTO THMAN
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Jumaat, 28 Mac 2025.

Salinan kepada : Naib Canselor
Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang-Undang